

**D.R. 39/2011**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (Pindaan) 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang sama dengan tarikh Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 [*Akta A1378*] mula berkuat kuasa.

**Pindaan seksyen 2**

**2.** Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 seperti yang berikut:

(a) dalam seksyen 172A—

(i) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) An accused who is charged with an offence and claims to be tried shall, by an advocate representing him, participate in a pre-trial conference with the prosecution before the commencement of the case management.”; dan

- (ii) dalam subseksyen (3), (4) dan (5), dengan menggantikan perkataan “Public Prosecutor” dan “prosecutor” di mana-mana juga terdapat dengan perkataan “prosecution”;
- (b) dengan menggantikan seksyen 172B dengan seksyen yang berikut:

**“Case management”**

**172B.** (1) A Magistrate, Sessions Court Judge or Judge of the High Court, as the case may be, shall commence a case management process within sixty days from the date of the accused being charged and claims to be tried.

(2) At the case management, the Magistrate, Sessions Court Judge or Judge shall—

- (i) take into consideration all matters that have been considered and agreed to by the accused and his advocate and the prosecution during the pre-trial conference; and where a plea bargaining has been agreed between the accused and his advocate and the prosecution during the pre-trial conference, the Magistrate or the Sessions Court Judge or the Judge trying the case shall decide on the voluntariness of the accused in the plea bargaining according to the provisions of section 172C;
- (ii) where no pre-trial conference has been held on the ground that the accused is unrepresented, discuss with the accused and the prosecution any matter which would have been considered under section 172A;
- (iii) assist an accused who is unrepresented to appoint an advocate to represent the accused;
- (iv) determine the duration of the trial;
- (v) subject to subsection (3), fix a date for the commencement of the trial;

- (vi) subject to the consent of the accused and his advocate, and the prosecution, admit any exhibits; and
- (vii) give directions on any other matter as will promote a fair and expeditious trial.

(3) A subsequent case management, if necessary, may be held not less than two weeks before the commencement of the trial.

(4) The trial shall commence not later than ninety days from the date of the accused being charged.

(5) Notwithstanding subsections (1) and (4), a failure for the case management or the trial to commence according to the time period specified in the subsections shall not—

- (a) render the charge or prosecution against the accused as defective or invalid; or
- (b) be considered as a ground for appeal, review or revision.

(6) Notwithstanding the provisions of the Evidence Act 1950, all matters that have been reduced into writing and duly signed by the accused, his advocate and the prosecution under subsection 172A(5) shall be admissible in evidence at the trial of the accused.”;

(c) dalam subseksyen 172C(1), dengan memasukkan selepas perkataan “charged with an offence” perkataan “and claims to be tried”;

(d) dalam seksyen 172D—

(i) dengan menggantikan subperenggan (1)(c)(ii) dengan subperenggan yang berikut:

“(ii) subject to subsections (2) and (3), sentence the accused to not more than half of the maximum punishment of imprisonment provided under the law for the offence for which the accused has been convicted.”; dan

*Rang Undang-Undang*

(ii) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

“(3) Subparagraph (1)(c)(ii) shall not apply where—

(a) in the case of a serious offence, the accused has a previous conviction for a related or same offence; or

(b) where the offence for which the accused is charged with falls within the following:

(i) an offence for which the punishment provided under the law is fine only;

(ii) an offence for which the punishment provided under the law is imprisonment for natural life;

(iii) any sexual related offence;

(iv) any offence committed against a child who is below twelve years of age; or

(v) any other offence as may be specified by the Public Prosecutor by order published in the *Gazette.*; dan

(iii) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) For the purpose of paragraph (3)(a), “serious offence” means an offence where the maximum term of imprisonment that can

be imposed is not less than ten years, and includes any attempt or abetment to commit such offence.”; dan

- (e) dengan memasukkan selepas seksyen 172F seksyen yang berikut:

**“Subparagraph 172D(1)(c)(ii) to be applicable to accused who pleads guilty**

**172G.** Where an accused pleads guilty at any time before the commencement of his trial, the Court shall sentence the accused in accordance with subparagraph 172D(1)(c)(ii).”.

### **Pindaan seksyen 3**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

**“Amendment of section 173**

3. Section 173 of the Code is amended by inserting in subparagraph (m)(ii) the following proviso:

“Provided that before the Court passes sentence, the Court shall, upon the request of the victim of the offence or the victim’s family, call upon the victim or a member of the victim’s family to make a statement on the impact of the offence on the victim or his family; and where the victim or a member of the victim’s family is for any reason unable to attend the proceedings after being called by the Court, the Court may at its discretion admit a written statement of the victim or a member of the victim’s family.”.

### **Pindaan seksyen 5**

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 5 dengan seksyen yang berikut:

#### **‘Seksyen baru 183A**

5. Kanun dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 183 seksyen yang berikut:

#### **“Victim’s impact statement**

**183A.** (1) Before the Court passes sentence according to law under section 183, the Court shall, upon the request of the victim of the offence or the victim’s family, call upon the victim or a member of the victim’s family to make a statement on the impact of the offence on the victim or his family.

(2) Where the victim or a member of the victim’s family is for any reason unable to attend the proceedings after being called by the Court under subsection (1), the Court may at its discretion admit a written statement of the victim or a member of the victim’s family.”.’.

### **Pindaan seksyen 7**

5. Seksyen 7 Akta ibu dipinda dalam perenggan 402A(3)(a) dengan memasukkan selepas perkataan “has given a” perkataan “written”.

### **Pindaan seksyen 9**

6. Seksyen 9 Akta ibu dipinda dalam seksyen 407A—

(a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan “after the case management”;

(b) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan “with the consent of the accused”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Where the Court makes an order for the disposal of the articles under subsection (3), the Court may allow the accused to take photographs of the articles.”.

### **Pindaan seksyen 11**

7. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

‘(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) The Court before which an accused is convicted of an offence—

(a) in its discretion, may make an order for the payment by the convicted accused of the cost of his prosecution or any part thereof as may be agreed by the Public Prosecutor; or

(b) where—

(i) the prosecution of the convicted accused involves evidence obtained pursuant to a request made under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [Act 621]; or

(ii) the accused has obtained pecuniary gain,

upon the application of the Public Prosecutor, shall make an order for the payment by the convicted accused of the cost of his prosecution or any part thereof, the sum of which is to be fixed by the Court as may be agreed by the Public Prosecutor.”.’

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 (“Akta A1378”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta A1378. Pindaan itu perlu untuk memastikan proses pra-bicara yang dimasukkan oleh Akta A1378 dapat dilaksanakan dengan licin.

Pindaan am dimasukkan ke dalam seksyen 172A, 172B dan 172C untuk menjelaskan bahawa rundingan pra-bicara, pengurusan kes dan rundingan akuan boleh dimanfaatkan oleh seorang tertuduh yang meminta untuk dibicarakan.

Pindaan kepada seksyen 172B bertujuan untuk menjelaskan bahawa ekhibit boleh diterima dan ditandakan oleh Mahkamah pada peringkat pengurusan kes dengan keizinan pihak-pihak. Pindaan juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa kegagalan Mahkamah untuk memulakan pengurusan kes atau perbicaraan dalam jangka masa yang ditetapkan dalam seksyen 172B tidak boleh menjadikan pertuduhan dan pendakwaan terhadap tertuduh sebagai cacat atau tidak sah, ataupun kegagalan tersebut dianggap sebagai suatu alasan untuk rayuan, semakan atau kajian semula. Pindaan ini perlu untuk menjelaskan bahawa niat dalam memperuntukkan jangka masa di bawah seksyen yang dicadangkan ini adalah untuk menyelesaikan masalah kes tertungggak di mahkamah jenayah dan untuk menggalakkan pelupusan kes jenayah dengan kadar cepat dan pada dasarnya, peruntukan itu tidak diniatkan untuk disalah guna bagi menjadikan pertuduhan, pendakwaan atau kes terhadap tertuduh tidak sah.

Pindaan kepada seksyen 172D bertujuan untuk memperuntukkan beberapa pengecualian kepada hukuman lebih ringan yang boleh dikenakan oleh Mahkamah setelah suatu pelupusan yang memuaskan dicapai dalam rundingan akuan terhadap hukuman. Pesalah yang melakukan kesalahan yang hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang ialah denda sahaja atau pemerjaraan seumur hidup, yang melakukan kesalahan yang berkaitan dengan jenayah seksual, yang melakukan kesalahan terhadap kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun, atau yang melakukan apa-apa kesalahan lain yang dinyatakan oleh Pendakwa Raya melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* tidak berhak untuk mendapat hukuman yang lebih ringan. Pesalah yang mempunyai kesalahan lampau berhubung dengan kesalahan serius juga tidak berhak untuk mendapat hukuman yang lebih ringan. Pindaan ini juga menjelaskan bahawa rundingan akuan terhadap hukuman adalah berkenaan dengan hukuman pemerjaraan sahaja.

Suatu seksyen baru 172G dimasukkan ke dalam seksyen 2 Akta A1378 untuk membolehkan tertuduh yang mengaku salah pada bila-bila masa sebelum perbicaraannya bermula untuk dihukum oleh Mahkamah mengikut seksyen 172D walaupun jika tertuduh itu tidak membuat permohonan untuk rundingan akuan.

4. *Fasal 3 dan 4* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 3 dan 5 Akta A1378. Mahkamah hendaklah, atas permintaan mangsa kesalahan atau anggota keluarganya, memanggil mangsa atau anggota keluarganya untuk membuat pernyataan tentang impak kesalahan ke atas mangsa atau keluarganya. Pindaan juga membenarkan Mahkamah menerima suatu pernyataan bertulis daripada mangsa atau anggota keluarganya jika mangsa atau anggota keluarganya tidak boleh, kerana apa-apa sebab, hadir pada prosiding itu apabila dipanggil oleh Mahkamah untuk memberikan pernyataan impak sedemikian. Pindaan ini adalah untuk melindungi kepentingan mangsa dan anggota keluarganya.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta A1378 untuk menjelaskan bahawa notis alibi yang hendak diberikan kepada Pendakwa Raya hendaklah dalam bentuk bertulis.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 9 Akta A1378 untuk meminda seksyen 407A. Pindaan kepada subseksyen 407A(1) bertujuan untuk meniadakan had masa yang dalamnya Pendakwa Raya perlu memohon kepada Mahkamah bagi pelupsan benda yang disebut dalam subseksyen 407A(2). Dengan pindaan ini, Pendakwa Raya boleh, pada bila-bila masa, membuat permohonan kepada Mahkamah. Pindaan kepada subseksyen 407A(3) mengambil kira bahawa telah ada cukup perlindungan yang diperuntukkan dalam seksyen yang dicadangkan untuk memastikan kesahihan benda yang berkenaan. Suatu perlindungan tambahan dimasukkan ke dalam subseksyen baru 407A(4) bagi memberikan Mahkamah budi bicara untuk membenarkan tertuduh untuk mengambil gambar benda itu sebelum benda itu dilupuskan.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta A1378 untuk meminda subseksyen 426(1) bagi memperuntukkan bahawa atas permintaan Pendakwa Raya, kos pendakwaan hendaklah dibayar oleh tertuduh yang telah disabitkan jika pendakwaan tertuduh yang telah disabitkan itu melibatkan keterangan yang diperoleh menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621] atau jika tertuduh itu disabitkan atas suatu kesalahan yang dia memperoleh keuntungan kewangan. Jumlah kos pendakwaan itu hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah sebagaimana yang dipersetujui oleh Pendakwa Raya.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2783]